

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 7 OGOS 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MADA, KADA LAKSANA DASAR PENYATUAN TANAH SAWAH, NASIONAL, BH -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	"SAYA MAHU LIHAT NELAYAN, PETANI DAN PESAWAH TERSENYUM INDAH", NASIONAL, SH -4	
3.	30 NELAYAN VIETNAM ROMPAK HASIL LAUT, DALAM NEGERI, UM -44	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOP)
4.	AYAM BEKU SELUDUP BERNILAI RM300,000 DIRAMPAS, SINAR NEGERI PANTAI TIMUR, SH -32	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	AYAM SEJUK BEKU BERNILAI RM300,000 DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16	
6.	MEREKA IBARAT WIRA NEGARA, NASIONAL, SH -7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	MANSUH SKIM BANTUAN HANYA TAMBAH BEBAN RAKYAT, SINAR NEGERI, SH -3	LAIN-LAIN
8.	PEKEBUN RESAH SKIM BANTUAN TANAMAN DIMANSUHKAN, TUNTUTAN SKIM PENANAMAN SEMULA DIKEMBALIKAN, SH -2	
9.	LOT PASAR BORONG DIJUAL RM1.3 JUTA, MUKA DEPAN, BH -1	
10.	PUNCA 5 BEKALAN MAKANAN MAHAL, MUKA DUA, BH -2	
11.	PEMBORONG KAUT 75 PERATUS UNTUNG, NASIONAL, BH -3	
12.	MYCC DEDAH WUJUD SALAH GUNA AP IMPORT KUBIS BULAT, NASIONAL, BH -3	
13.	SEWA TAPAK TINGGI, JUAL BARANG MAHAL, NASIONAL, BH -4	
14.	MALAYSIA PERLU KILANG PROSES PRODUK SUSU BAYI, NASIONAL, BH -4	
15.	KERAJAAN PERLU TAMBAH IMPORT DAGING, NASIONAL, BH -5	
16.	PENDERMA FOOD BANK DILINDUNGI UNDANG-UNDANG, NASIONAL, BH -5	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MADA, KADA laksana dasar penyatuhan tanah sawah

Serdang: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemulu (KADA) di Kelantan, sudah memulakan pelan tindakan bagi melaksanakan dasar penyatuan tanah sawah untuk meningkatkan pendapatan pesa-

Wah... Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata dasar itu dilaksanakan melalui beberapa model penturatan tanah, antaranya estet padi yang akan menghasilkan pertanian berskala besar.

"Pemodenan sektor padi mestilah

seiring dengan perkembangan se-
masa kerana kebanyakan peseawah
memiliki tanah berkeluasan antara
satu hingga dua hektar saja.
"Maka dasar penyataan ta-
nah, tanah persendirian yang ber-
keluasan antara 10 hingga 50 hek-
tar, jika ada sektor swasta mahu
masuk (sertai bidang penanaman
padi), kita boleh buka seluruh
tanah berases 1 000 hektar,"

"Iri akan memajukan tanah pesawah kita, sekali gus memberikan pulungan yang lebih lumayan kepada golongan ini (pesawah) dan pemain industri," katanya. Beberapa berkata demikian pada warga 1,000 nenek-nenek.

Sidang media selepas merasmikan Persidangan Pesawahan-Padi Kebangsaan (PPPK) 2019 di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam. Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Azmi Ideris.

Model berkenaan termasuk memberi tumpuan kepada pesawahan yang berupaya mengurus tanah mereka seluas lima hektar menjayakan dasar penyatuan tanah sawah.

dengan cemerlang dan mampu meraih pendapatan sehingga RM4,000 sebulan.

Menggalakkan usaha muda menyertai sektor tanaman padi yang membutuhkan sawah seluas 50 hektar dengan pendapatan yang diurujurkan adalah RM15,000 sebulan serta memberikan kepada Pertubuhan Peladang Kawan (PPK), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau sektor swasta swasta sawah berkapasiti 200 hektar, 500 hektar sehingga 1,000 hektar untuk diusahakan.

Salahuddin berkata, kerente-riannya akan memantau perkembangan pelaksanaan model penya-

tuhan tanah, selain akan turut membantu kawasan padi luar jepang.

"Jika mereka (pesawahan padi luar jelapang) memerlukan ban-
tuhan, kita akan lihat jika ada ko-
rporasi PPK setuju irodihin yang

"Ini penting bagi mendidik penerawah dalam jangka masa panjang supaya bantuan lebih banyak dapat diberikan di peringkat output," katanya.

Melalui beberapa pendekatan yang dilaksanakan seperti pengamatan benih baharu dan rantaian nilai yang diperkeras, beliau yakin sasaran untuk mencapai peningkahan padi tahunan antara lapan hingga 12 tan sehektar akan tercapai dalam masa lima tahun, berbanding empat hingga lima tahun sehektar ketika ini.

Berhubung cadangan untuk pertambahan dan nelayan membuat caru man kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Salauddin berkata, syarikat insurans sedang mendapatkan data berkaitan berhubung perkara itu.

"Ia seperti PERKESO tetapi ada model tertentu yang syarikat insurans boleh tawarkan. (Caru man) PERKESO juga antara yang turut dibincangkan," katanya.

A photograph showing a group of men in suits and ties, likely officials or scientists, examining a large cluster of rice plants. The man in the foreground, wearing a blue suit, is smiling and looking towards the camera. Behind him, another man in a dark suit and glasses is also smiling. To the left, a man in a light-colored shirt and tie is partially visible. The rice plants are tall and green, filling the right side of the frame.

Salahuddin melawat pameran selepas perpaduan Kebangsaan 2019 di UPM, semalam.

Pesawahan
(Foto Ihsan FB)

'Saya mahu lihat nelayan, petani dan pesawah tersenyum indah'

SERDANG - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berazam untuk membantu nelayan, petani dan pesawah agar mereka boleh 'tersenyum indah' selepas ini.

Menurutnya, beliau enggan melihat sasterawan menggalas novel hatta puisi yang menggambarkan kesusahan, penderitaan golongan tersebut yang sering dihimpit keiskinan.

"Saya mahu lihat wajah petani, pesawah kita akan terus tersenyum indah. Bukan lagi ada pujangga menulis novel, puisi yang menggambarkan derita nelayan dan petani kita

"Cukuplah sasterawan kita menuulis tentang air mata di Seberang Takir (perkampungan nelayan di Terengganu), cukuplah Usman Awang Shahnon Ahmad menuulis novel yang mengisahkan betapa miskinnya petani kita," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada Persidangan Pesawah Padi Kebangsaan (PPPK) 2019 di Universiti Putra Malaysia di

Prof Datuk Dr Aini Ideris.

Tambah Salahuddin, selepas ini beliau mahu melihat hanya kisah kejayaan nelayan,

petani dan pesawah diabadikan dalam novel dan puisi nukilan sasterawan negara.

"Insya-ALLAH watak sedemikian (nelayan, petani, pesawah miskin) tidak lagi wujud dalam 10 tahun akan datang tapi semuanya adalah cerita kejayaan petani."

"Mereka ini sebenarnya merupakan wira negara yang mestilah kita berikan bantuan kerana jasa mereka sangat besar," ujarnya.

Tambah Ahli Parlimen Kulai itu, beliau sedia merangka dan meluluskan polisi-polisi baharu dalam memastikan agenda tersebut dapat dilaksanakan.

"Saya berjanji untuk bersedia mengubah dan buat polisi baharu untuk memudah cara, memendekkan birokrasi dan paling penting, segala bantuan dalam segala bentuk cepat sampai kepada petani," katanya.



SALEHIDDIN

30 nelayan Vietnam rompak hasil laut



EBAHAGIAN nelayan Vietnam yang ditahan Maritim Malaysia dalam Op Iman di kedudukan sekitar 104 hingga 109 batu nautika di luar Kuala Kemaman, Terengganu, semalam. -UTUSAN/MUKHATAR A. RAHMAN

dan bot dianggarkan bermilai RM1.4 juta.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa lesen yang sah dan kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia, Seksyen 8 (a) Akta Perikanan 1985 kerana bot beroperasi tanpa lesen yang sah.

"Selain itu, ia juga ditanah mengikut Seksyen 6 (1) (c), Akta Imigresen kerana tidak memiliki dokumen pengenal diri yang sah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ujarnya, operasi membanteras kegiatan pencerobohan nelayan asing khususnya dari Vietnam ini akan diteruskan tanpa henti dan Maritim Malaysia menerusi Op Iman di sekitar perairan Terengganu di kedudukan 104 hingga 109 batu nautika timur laut Kuala Kemaman kira-kira pukul 8.15 dan 9.05 pagi.

Menurutnya, kesemua bot nelayan asing dengan nombor pendaftaran KG 9588 TS dan KG 93359 TS bersama 30 nelayan Vietnam termasuk rekong berumur antara 17 hingga 60 tahun dibawa masuk ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut.

Beliau memberitahu, semua rampasan termasuk peralatan tangkap ikan

oleh MUKHATAR
A. RAHMAN
mukhtar@ptpn1.com

KEMAMAN 6 OGOS

AGENSI Pengurusan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu memaham dua bot nelayan Vietnam bersama 30 nelayan termasuk mereka yang merompak hasil laut negara di perairan negeri ini, dekat sini kelmarin. Pengarah Maritim Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, penahanan bot-bot itu dilakukan anggora Maritim Malaysia menerusi Op Iman di sekitar perairan Terengganu di kedudukan 104 hingga 109 batu nautika timur laut Kuala Kemaman kira-kira pukul 8.15 dan 9.05 pagi.

Menurutnya, kesemua bot nelayan asing dengan nombor pendaftaran KG 9588 TS dan KG 93359 TS bersama 30 nelayan Vietnam termasuk rekong berumur antara 17 hingga 60 tahun dibawa masuk ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut.

Beliau memberitahu, semua rampasan termasuk peralatan tangkap ikan

menyeru orang ramai agar melapor kan kepada Maritim Malaysia mengenai sebarang aktiviti mencuri-gikan melibatkan bot berserta nelayan asing memensi talian MERS 999 yang beroperasi 24 jam.

Ayam beku seludup bernilai RM300,000 dirampas

RANTAU PANJANG - Sejumlah 55,156 kilogram (kg) ayam sejuk beku bernilai RM300,000 yang cuba diseludup masuk ke negara ini berjaya dirampas oleh anggota penguatkuasa yang bertugas mengawal sempadan.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, rampasan itu bermula dari Januari hingga kelmarin dan membabitkan sembilan kes.

"Kesemua ayam sejuk beku

itu diseludup masuk dari negara jiran menggunakan pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok," katanya di sini semalam.

Menurutnya, kesemua rampasan itu adalah hasil kerjasama erat di antara Maqis Kelantan dengan agensi penguatkuasaan sempadan Malaysia-Thailand.

"Perbuatan mengimport ayam sejuk beku tanpa ada permit import yang sah dari Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011," katanya.

Sementara itu, ayam sejuk beku seberat 180 kg bernilai RM2,000 yang cuba diseludup masuk ke negeri ini berjaya dirampas oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 Pengkalan Chepa kelmarin.

Katanya, rampasan dibuat ketika Op Wawasan yang dijalankan berhampiran pangkalan haram Jeram Perdah dekat sini.



Kakitangan Maqis menunjukkan ayam sejuk beku yang dirampas oleh PGA di Jeram Perdah.

Ayam sejuk beku bernilai RM300,000 dirampas

RANTAU PANJANG - Ayam sejuk beku bernilai RM300,000 yang cuba diseludup masuk ke negara ini menerusi pangkalan haram di Sungai Golok berjaya dirampas menerusi Ops Wawasan bermula Januari hingga kelmarin.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Macis) Kelantan, Mohd. Azam Yahya berkata, rampasan itu adalah hasil kerjasama erat pihaknya dengan beberapa agensi pengawal kuasaan sem padan lain.

Mohd. Azam memberitahu, Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 Pengkalan Chepa berjaya merampas ayam sejuk beku seberat 180 kilogram (kg) bernilai RM2,000 kelemarin.

Rampasan itu dilakukan pasukan tersebut ketika melakukan rondaan menerusi Ops Wawasan berhampiran pangkalan haram Jeram Perdah dekat sini.

“Ini merupakan rajmpasan pertama yang dilakukan PGA Batalion 8 Pengkalan Chepa dan diserahkan kepada Macis untuk bulan Ogos,” katanya ketika ditemui pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, sepanjang tahun ini pihaknya berjaya merampas ayam sejuk beku seberat 55,156kg ayam sejuk beku bernilai kira-kira RM300,000. “Perbuatan mengimport ayam sejuk beku tanpa mempunyai permit import yang sah daripada Macis menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

“Selain itu, mereka yang terlibat juga boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) dalam akta yang sama. Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.



MOHD. AZAM (kiri) menunjukkan ayam sejuk beku yang dirampas pada sidang akhbar di Rantau Panjang semalam.

Mereka ibarat wira negara

Warga peladang, penternak dan nelayan diraikan

SYAMILAH ZULKIFLI

T angal 6 Ogos setiap tahun menjadi tarikh paling bermakna buat warga penggerak industri pertanian dan penternakan negara apabila digazet sebagai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPN).

Ia sekali gus sebagai satu penghormatan buat mereka yang menjadi sebahagian daripada penggerak penting ekonomi negara.

Seiring dengan perubahan masa, menjadikan hasrat kerajaan supaya berlaku perubahan dalam sektor berkenaan agar dapat dikomersialkan dan menjadi sumber pendapatan utama kepada rakyat. Pada masa sama dapat meningkatkan pendapatan dan mengurangkan import negara.

Menghadapi persaingan global yang semakin sengit,



Masing-masing mempromosikan kehadiran orang ramai untuk memeriahkan majlis HPPN 2019 di Plaza Angsana Johor Bahru pada 28 November hingga 1 Disember.

sektor berkenaan perlu dipacu dengan penggunaan teknologi moden bagi meningkatkan pengeluaran secara efisien dan efektif.

Melihat betapa besarnya peranan kelompok terabit, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub menyifatkan golongan petani dan penternak sebagai wira negara.

Menurutnya, golongan ini adalah benteng kepada

keadilan makaran negara dan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan pembelaan diberikan sewajarnya.

"Kita perlu pastikan negara ada bahan makanan yang cukup untuk dinikmati seluruh rakyat," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Warga Tani Daerah Rembau Sempena Memperingati Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di Rembau semalam.

Sebagai menghargai peranan warga peladang, penternak dan nelayan, samanannya di peringkat kebangsaan akan diadakan di Plaza Angsana Johor pada 28 Disember sehingga 1 Disember depan.

Mampu tepati permintaan pasaran

Menurut Salahuddin, bidang pertanian dan penternakan menjanjikan pulangan hasil yang tidak boleh diragukan.



Salahuddin berkesempatan melawat gerai yang dipamerkan.

"Hari ini kita sedang teroka bersungguh-sungguh untuk cuba meningkatkan kebangsaan akan diadakan di Plaza Angsana Johor pada 28 Disember sehingga 1 Disember depan.

Beliau berkata, pelbagai peluang disediakan kerajaan menerusi platform, bantuan geran dan premis bagi membantu kelompok itu lebih maju.

"Saya lihat sambutan HPPN lebih luas dan dinamik berdasarkan segala potensi yang ada. Ia dapat memberi peluang dan ruang yang luas kepada semua pihak terlibat untuk tingkatkan usaha setiap kali ia diadakan.

"Ia termasuklah melalui pembelajaran teknologi baru, mencari ruang pasaran, memperbarui dan mempromosi produk masing-masing," katanya.

Kepimpinan PPK diberi tempoh enam bulan

Salahuddin mengingatkan barisan kepimpinan

Pertubuhan Peladang Kawan (PPK) yang bakal dilantik kelak supaya menjaga integriti.

"Saya tekankan aspek integriti. Sesiaapa yang dipilih dalam mesyuarat agung dan sesiapa yang dilantik atas kuasa menteri mestilah pelihara integriti sebab ini melibatkan duit rakyat termasuk isu bantuan peladang."

"Saya minta yang dilantik ini benar-benar bertanggungjawab, enam bulan selepas dilantik saya akan buat penilaian. Jadi siapa pun yang duduk di situ mestilah berperanan memajukan peladang," katanya

pada sidang media.

Menurutnya, PPK merupakan nadi dan mampu mewujudkan perniagaan atau aktiviti menguntungkan agar mampu berdiri sendiri sekali gus tidak terlalu bergantung kepada kerajaan.

"PPK adalah nadi. Jika mereka ada projek ternakan sendiri, stesen minyak, kebun dan proaktif terokai

Apa Kata Rakyat



Bagi saya sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan yang diraikan setiap tahun ini sebagai satu penghargaan buat kami termasuk ahli PPK. Melalui program sebeginilah peluang untuk kami menjana pendapatan."

- Maznah Kadir, 50.



Dengan bantuan daripada kerajaanlah saya dapat kembangkan perniagaan rendang makanan saya. Harapnya peluang sebegini diberi kepada lebih ramai golongan wanita bagi membantu menjana ekonomi keluarga."

- Halimah Butat, 56.

bidang lain, ia menujukkan potensi terhadap 900,000 lebih ahli PPK," katanya.

Ditanya adakah penekanan soal integriti itu dibuat kerana berlaku penyelewengan, Salahuddin berkata, beliau hanya mahu berbicara soal masa depan.

"Dengan kepimpinan baru, saya meletalkan harapan agar kesilapan masa lalu diperbaiki dan kebaikan yang dibuat akan diteruskan. Tugas kita adalah untuk tambah nilai," katanya.



Salahuddin menyerahkan replika cek Tabung Pembangunan Usahamuka kepada Amzaldin Amrullah yang menjalankan projek lembu hitam.



Salahuddin menyerahkan replika cek Tabung Pembangunan Usahamuka kepada Amzaldin Amrullah yang menjalankan projek lembu hitam.

Mansuh skim bantuan hanya tambah beban rakyat

YAN - Keputusan kerajaan tidak melaksanakan kembali skim bantuan penanaman semula kepada pekebun kecil dilihat bakal menambahkan derita rakyat.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah, Datuk Abd Lateh Mohd Saman berkata, rakyat ketika ini sudah sedia terbeban dengan kejatuhan harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah.

Menurutnya, jika skim bantuan berkenaan pula dimansuhkan, ia sudah tentu akan menyebabkan rakyat berdepan kesulitan khususnya dalam menghadapi kenaikan kos barang harian.

"Kos keperluan harian juga dilihat tidak pernah menurun membuatkan pekebun kecil kelapa sawit dan getah menghadapi kesukaran," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Abd Lateh, tindakan kerajaan untuk tidak melaksanakan skim bantuan berkenaan jelas menunjukkan bahawa tanaman komoditi utama tersebut tidak digalakkan



ABD LATEH

oleh kerajaan.

"Harapan mereka yang selama ini percaya dan yakin kepada masa depan komoditi ini dan sanggup menunggu tiga hingga tujuh tahun untuk mendapat hasil berkecai sekelip mata," katanya.

Abd Lateh berkata, usaha kerajaan memasarkan produk-produk berkenaan juga dilihat tidak bersungguh dan tindakan menghentikan bantuan tanam semula menggambarkan kerajaan tidak lagi yakin dengan industri ini.

"Kerajaan perlu terlebih dahulu memperkenal produk baharu tapi yang lebih penting ialah masyarakat perlu dibimbing dengan ilmu dan budaya baharu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/8/2019	SINAR HARIAN	TUNTUTAN SKIM PENANAMAN SEMULA DIKEMBALIKAN	2

Pekebun resah skim bantuan tanaman dimansuhkan

SABAK BERNAM - Pekebun kecil yang rata-ratanya berpendapatan rendah resah berikutan keputusan kerajaan tidak melaksanakan skim bantuan penanaman semula kepada pekebun kecil.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya, Datuk Abd Rahman Bakri berkata, pekebun kecil hanya bergantung harap kepada hasil pertanian bagi menampung kos sara hidup yang semakin tinggi.

"Pekebun kecil merasai bebanan dan tekanan dengan keputusan kerajaan memansuhkan skim bantuan tersebut.

"Kerajaan sepatutnya mengubah taraf hidup golongan pekebun yang didapati masih berada dalam paras kemiskinan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Malah, tegas beliau, kos perbelan-



ABD RAHMAN

jaan input pertanian juga semakin tinggi dan membebankan berbanding pendapatan yang diperoleh pekebun kecil.

"Kerajaan perlu mencekalkan atau meningkatkan pemberian subsidi kepada golongan ini khususnya apabila mereka perlu mengeluarkan perbelanjaan tinggi membeli input pertanian dan menyewa jentera," ujarnya.

Selain itu, katanya, kerajaan perlu menyedari mata wang negara berada di bawah nilai berdasarkan kepada kuasa pembelian yang tidak seimbang dan kadar tukaran asing.

"Ketika zaman kerajaan dahulu mereka menikmati lebih banyak inisiatif dan bantuan berbanding sekarang.

"Perkara ini sepatutnya diberikan perhatian oleh pemerintah pada hari ini," katanya.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA

SURAT

7/8/2019

BERITA
HARIAN

MUKA DEPAN

1



**Lot pasar borong
dijual RM1.3 juta**



Laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan MyCC

Punca 5 bekalan makanan mahal

Kartel kawal pasaran, kaut untung antara 60 hingga 75 peratus

Oleh Mohd Azis Ngah dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penguasaan pasaran ikan oleh kartel, kegiatan menyewa permit import (AP) kubis, jualan lot niaga borong sehingga RM1.3 juta, kebergantungan kepada negara sumber yang terhad serta kekurangan produk tempatan, menjadi punca kenaikan harga lima bekalan makanan utama rakyat negara ini.

Semua faktor itu dikenal pasti dalam Kajian Pasaran Sektor Makanan yang dijalankan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyumbang kepada peningkatan harga ikan kembung, daging, susu rumusan bayi, kubis bulat serta sawi hijau.

Kartel yang menguasai pusat pengumpulan utama ikan serta sayur-sayuran di Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL), didapati mengawal dan menentukan harga pasaran dengan mengutang untung antara 60 hingga 75 peratus daripada harga ikan yang diraik dari jeti pelabuhan.

Kos tambahan pengurusan yang dikenakan ke atas pemborong di PBKL, termasuk sewa tapak, perkhidmatan sejuk beku, upah angkut, kos guna pakai tong plastik didapati membebarkan peniaga.

Kajian MyCC mendapati, keadaan menjadi lebih teruk apabila pekerja asing 'dibenarkan' menjual ikan pada harga lebih tinggi.

Pasaran keseluruhan dan isu khusus berkaitan setiap sub sektor makanan

Cabaran penting	Kepentingan utama	Perlu diberikan perhatian
Daging	Rumusan bayi	Pasar Borong Ruala Lumpur
1: Peningkatan harga dagdig yang ketara 2: Kebergantungan terlalu tinggi dengan import dan sumber bekalan terhad 3: Jumlah pengeksport yang terhad 4: Kesukaran mencuri bidang dan dominasi pengimport	1: Kesulitan memasuki pasaran dan dominasi syarikat multinasional 2: Aktiviti promosi yang mengelirukan 3: Kebergantungan terlalu tinggi kepada bekalan import 4: Kesan promosi mengelirukan	1: Kesesakan di hab pengedaran barang utama 2: Kos operasi tambohan
Ikan kembung	Kubis bulat dan sawi hijau	Peruncitan moden
1: Kesan pengisytiharan sebagai 'ikan Rakyat' 2: Kehadiran orang tengah yang ramai 3: Bekalan terhad mempengaruhi harga dan terdedah kepada peniaga mengambil kesempatan	1: Salah guna permit kelulusan (AP) 2: Potensi perlakuan miskin pasaran	1: Kuasa penawaran yang tinggi dan amalan pembiagaan tidak adil

Ketika ini, PBKL dikuasai lebih 90 peratus pekerja asing dan ada antara mereka yang cukup berani berniaga tanpa permit di tepi jalanan bersebelahan pasar.

Kajian MyCC juga mendapati, wujudnya salah laku dalam ka-langan penerima AP untuk meng-import kubis bulat, apabila ada di antara mereka hanya mengambil keuntungan 'atas angin' dengan menyewakan permit itu kepada peniaga lain.

Tindakan itu menyebabkan penyebarluasan AP terpaksa menaikkan harga menyebabkan pengguna terpaksa membelanjakan sehingga RM4.95 untuk membeli satu kilogram kubis.

Pada 2017, Malaysia hanya mampu menghasilkan produk tempatan sebanyak 77,942 tan metrik kubis bulat, berbanding permintaan pasaran sebanyak 173,208 tan metrik.

Kenaikan harga daging pula diketahui berpunca daripada sikap terlalu bergantung kepada pembekal dua negara sahaja iaitu India dan Australia, sekali gus menyaksikan pengeksport serta pengimport mengawal harga yang terpaksa dibayar pengguna negara ini.

Masalah sama berlaku dalam isu kenaikan susu rumusan bayi apabila kajian mendapati, Malaysia tidak mempunyai produk-

tempatan yang mampu mengimpor barang produksi import.

Menurut laporan kajian setelah 336 muka surat dijalankan selama sembilan bulan, MyCC turut mencadangkan supaya pihak berkaitan termasuk kementerian, agensi kerajaan supaya memantau gerak kerja pemilik AP serta meningkatkan produk daging tempatan untuk meningkatkan persaingan harga.

Bagi isu kenaikan harga ikan, MyCC menyarankan supaya pengguna beralih menggunakan produk ikan beku segar Q-Fish dan meningkatkan aktiviti akultur seperti perternakan ikan sangkar.

Laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan itu dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail semalam.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, pihaknya akan meneliti semaua perkara yang dibangkitkan serta cadangan untuk memperbaiki kelemahan sedia ada.

"Kami akan serahkan maklumat kepada pihak berkaitan dan bentangkan laporan kepada je maah menteri. Semua maklumat ini penting untuk memastikan kestabilan harga dan rakyat boleh berbelanja pada harga patut," katanya.

Ibadat&Fadilat

Daripada Abdullah Umar, Abu Bakar RA
berkata: "Muliakanlah Nabi Muhammad SAW dengan memuliakan ahli keluarganya." (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:53	1:27	4:45	7:37	8:50
Alor Setar	5:53	1:27	4:45	7:37	8:49
P. Pinang	5:55	1:27	4:45	7:36	8:48
Ipoh	5:54	1:25	4:43	7:32	8:45
Kuala Lumpur	5:53*	1:22	4:41	7:29	8:41
Shah Alam	5:53	1:22	4:41	7:29	8:41
Johor Bahru	5:46	1:19	4:33	7:18	8:30
Kuantan	5:48	1:16	4:36	7:22	8:34
Seremban	5:52	1:20	4:46	7:35	8:39
Bandar Melaka	5:52	1:19	4:39	7:25	8:37
Kota Bharu	5:51	1:19	4:38	7:29	8:31
K. Terengganu	5:44	1:16	4:34	7:24	8:37
Kota Kinabalu	4:51	1:24	4:42	6:33	7:45
Kuching	5:21	12:48	4:08	6:53	8:05



Saifuddin Nasution melancarkan Buku Laporan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) di Pusat Timbang Tar Antarabangsa Asia (AIAC), Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

Laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan MyCC

Pemborong kaut 75 peratus untung



Iskandar Ismail

Punca harga ikan dijual mahal kepada pengguna

Oleh Mohd Azis Ngah dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peningkatan harga sehingga enam kali dalam rantaian pemasaran ikan tempatan dengan pemborong utama mengambil keuntungan antara 60 hingga 75 peratus, dikenal pasti antara punca barangang keperluan itu mahal ketika dijual kepada pengguna.

Kajian Pasaran Sektor Makanan oleh Suruhanjaya Perserangan Malaysia (MyCC) yang mengambil contoh ikan kembung, mendapati ia diraih daripada nelayan pada harga RM7.50 hingga RM8.50 sekilogram (kg) sebelum meningkat kepada RM15 hingga RM17/kg kerana dijual runcit kepada pengguna.

Dalam proses itu, nelayan yang mengharungi pelbagai kesulitan sepanjang berada di laut, hanya mendapat keuntungan di antara 10 hingga 20 peratus atau kira-kira RM1/kg kerana menarikgung kos yang tinggi untuk operasi bot, komisyen jualan dan diesel di antara RM5 hingga RM6.50/kg.


Dalam rantaian pemasaran ikan terbabit kepada pengguna itu, pemborong pertama yang mengambilnya dari jeti, meraih keuntungan di antara 60 hingga 70 peratus atau RM4.50 hingga RM6/kg, walaupun kos operasi ditanggung mereka hanya RM1 hingga RM1.50/kg.

Kajian MyCC juga mendapati, sepanjang tempoh lima tahun laju sejak 2014 hingga 2018, setiap tahun Malaysia mengimport lebih 50 peratus ikan kembung untuk memenuhi permintaan tempatan, ekoran bekalan tempatan yang tidak mencukupi.

Jumlah tangkapan ikan kembung oleh nelayan tempatan merosot daripada 67,407 tan pada 2014 kepada 49,328 tan pada tahun laju, yang dikatakan berpunca daripada masalah di jeti pendarat ikan serta faktor cuaca.

Susulan masalah itu, Malaysia terpaksa mengimport sebahagiannya besar ikan kembung daripada Thailand serta Vietnam, Indonesia, China, India, Myanmar, Pakistan dan Pakistan.

Kajian MyCC juga mendapati, langkah mempromosikan ikan kembung sebagai Ikan Rakyat sebelum ini, untuk memberikan



gambaran ia dijual pada harga berpatutan, menetaskan kesan negatif apabila harga meningkat lebih pantas berbanding purata indeks ikan dan makanan laut.

Kedua-dua itu membuatkan, pengguna mengalihkan kenalkan harga ikan kembung dalam pasar dengan peningkatan kos sara hidup.


Dalam usaha mengurangkan harga ikan, MyCC mencadangkan supaya kerajaan mempelbagaikan dan meningkatkan kemudahan jualan ikan secara dalam talian kerana dapat memendekkan rantaian bekalan serta mampu mengurangkan kos apabila dibeli secara terus daripada pembekal.

Masa sama, semua pihak yang berkaitan dengan sektor perikanan disarankan supaya mempelbagaikan produk termasuk meningkatkan bekalan ikan segar beku (Q-Fish) untuk pasaran tempatan berikutkan harga semasa yang tinggi.

Ikan segar beku Q-Fish merujuk ikan yang dibekukan oleh Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menggunakan teknologi Individual Quick Freezing (IQF) sejurus tiba di lokasi pendaratan bagi menjaga kualiti.

Selain produk Q-Fish, pengeluaran bekalan daripada sektor akuakultur seperti bekalan terakan ikan dalam sangkar sama ada air masin, payau atau tawar juga berpotensi besar memenuhi permintaan.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, ketika mengulas cadangan itu berkata, produk Q-Fish perlu diperkenalkan di seluruh negara dan peng-



guna perlu sedar, ikan itu sebenarnya jauh lebih segar daripada ikan sejuk beku biasa.

"Bekalan yang ada perlu diketukakan dalam kuantiti besar, kerana kita akan menghadapi musim tangkap kurang, terutama ketika musim tengkujuh. Jadi, tidak akan timbul masalah bekalan cukup dan harga pun terpaksa dinamikkan."

"Teknologi menghasilkan Q-Fish ini adalah antara penyelesaian terbaik kerana bekalan

ini mampu bertahan lebih enam bulan," katanya.

Tegasnya, jika ikan kembung terlalu mahal, pengguna perlu membuat pilihan bijak kerana masih banyak jenis hasil laut yang lain termasuk hasil ternakan ikan sangkar," katanya.

"Dulu, ramai yang melabelkan ikan kerapu, jenahak dan siakap sebagai ikan mewah, tetapi kini semua itu boleh didapat pada harga murah jika diternak dalam sangkar."

MyCC dedah wujud salah guna AP import kubis bulat

Kuala Lumpur: Kajian Pasaran Sektor Makanan mendapati wujud unsur salah guna Permit Kelulusan (AP) yang diberikan untuk mengimport kubis bulat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata Inil berikutnya ad pemegang AP membuat keuntungan mudah dengan menyewakan atau menjualnya kepada pihak lain.

Katanya, mengikut kajian Suruhanjaya Perserangan Malaysia (MyCC), penyalahgunaan itu menjadikan antara punca kenaikan harga suryakurah secara mendadak.

"Ada pengimport terpaksa menggunakan AP orang lain untuk membawa kubis bulat yang menyebabkan harganya naik.

"Sehubungan itu, MyCC mencadangkan proses selepas pemberian AP dipantau secara rapat bagi memastikan terdapat pilihan kepada pengguna dan harga yang kompetitif bagi kubis bulat di pasaran.

"Kita juga akan berkongsi maklumat hasil dapatan MyCC ini dengan agensi berkaitan untuk tindakan susulan," katanya selepas melancarkan Kajian Pasaran Sektor Makanan di kedai MyCC di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan, Chong Chieng Jen dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail.

Sebelum ini, kerajaan mengeluarkan AP untuk mengimport barang yang bekalaninya tidak mencukupi di pasaran termasuk kubis bulat.

Kajian itu mendapati purata harga kubis bulat di pasaran negara kini mencecah RM4.80 berdasarkan rekod pada minggu terakhir April lalu yang dibandingkan dengan empat negara lain iaitu India, Singapura, Indonesia dan Filipina.

Itu menunjukkan peningkatan RM1 berbanding purata harga paling tinggi pada peringkat runtut direkodkan tahun lalu iaitu RM3.90.

Kerajaan mengeluarkan AP bagi mengimport kubis bulat yang 90 peratus daripadanya dari China berikutkan permintaan tinggi di pasaran.

Saifuddin berkata, beliau akan membawa hasil kajian MyCC kepada Jemaah Menteri yang akan membincangkannya dari segi dasar dan tindakan susulan terhadap segala penemuan.

"Laporan ini diwujudkan atas semangat untuk berkongsi maklumat dengan agensi berkaitan supaya segala kelemahan dapat diatasi, bukannya untuk mengkritik mana-mana pihak."

Sewa tapak tinggi, jual barang mahal

Warga asing kawal harga ikan untuk kegunaan 10 juta pengguna

Oleh Mohd Azlis Ngah dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Satu lot niaga Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) dijual pada harga RM1.3 juta secara tunai dan pemilik baharu kemudian menyewakan tapak berkenaan pada kadar antara RM20,000 hingga RM30,000 sebulan.

Lot itu dipecahkan kepada empat lot mini yang disewakan RM8,000 setiap lot. Lot berkenaan beroperasi dua syif sehari, bermakna pemilik lot akan memperoleh RM24,000 dalam sebulan.

Sedangkan kader sewa ditetapkan cuma sebanyak RM1,400 sebulan bagi setiap lot yang berkeluasan 20 kaki persegi.

Kadar sewa yang tinggi itu antara beban ditanggung peniaga di PBKL yang lebih popular dengan gelaran Pasar Borong Selangor.

Akibatnya, mereka akan mengekalkan harga tinggi kepada

pembeli, sekali gus menyaksikan bekalan ikan serta sayur dijual mahal.

Pendedahan mengenainya terkandung dalam laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) memberikan lima produk utama iaitu ikan, daging, susu formula, sawi hijau dan kubis bulat.

PBKL adalah pembekal utama ikan dan sayur untuk pasaran hampir 10 juta pengguna di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka serta beberapa kawasan di Pahang dan Perak.

Mengulas perkara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, mengakui lebih 90 peratus daripada pekerja di PBKL ialah warga asing termasuk yang tidak memiliki permit kerja.

"Urusan di PBKL adalah berdasarkan kepercayaan dan bayaran dibuat secara tunai atau kredit. Pekerja asing yang sudah lama bekerja diberi kepercayaan oleh tauke untuk menguruskan bekalan dan menjual ikan.

"Mereka menggunakan perluang itu dengan mengenakan harga yang mahal, 'mengutang untung atas angin' dan merosakkan persaingan harga secara sihat di PBKL," katanya.

Lebih memburukkan keadaan,



Pekerja asing ambil kesempatan berniaga di Pasar Borong Selangor.

ada pekerja asing yang tidak berlesen atau tidak menyewa tapak menjual ikan di tepi jalan dengan harga empat kali lebih murah berbanding di pasar utama.

Berikut itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membahagikan sistem pengurusan PBKL kepada tiga pengendali berbeza bagi memastikan pengurusan cekap.

Namun, semua perkhidmatan disediakan pengendali itu perlu 'dibayar' peniaga termasuk tong

Konsortium Pasar Borong Sdn Bhd dan pengendali individu mengendalikan perkhidmatan jualan borong, manakala UJUM Holdings menjadi perkhidmatan tempat letak kenderaan dan Forever Fresh Cold Storage Sdn Bhd menguruskan bilik sejuk beku.

"Jangan tutup PBKL, tetapi naik taraf. Memang ramai yang tidak akan bersatu tetapi kita mesti belajar bagaimana Hentian Bas Pudureja kini bertukar wajah menjadi Terminal Bersepadu Selatan (TBS).

"La jauh lebih moden, besar, keemasan dan sistem keselamatannya juga lebih baik," katanya.

Malaysia perlu kilang proses produk susu bayi

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu mengerakkan industri mewujudkan pusat inovasi dan kilang pengeluaran susu rumusan bayi di Malaysia, bagi membolehkan produk berkenaan dijual pada harga lebih rendah.

Kajian Pasaran Sektor Makanan dikendalikan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga mencadangkan kerajaan mengenal pasti syarikat tempatan berkemampuan untuk menceburkan sektor penghasilan produk itu, selain memperkenalkan jenama dalaman yang berjaya menstabilkan harganya seperti dilakukan di Korea Selatan dan Itali.

Hasil kajian, MyCC mendapati purata harga susu tepung rumusan seberat 900 gram bagi bayi berusia enam hingga 12 bulan berjenama perdana di Malaysia paling murah adalah RM30.50, manakala jenama premium pula RM114.99.

Kajian itu turut menyebut susu tepung rumusan bayi dikilangkan di Malaysia selama ini terlalu bergantung kepada bahan mentah dari luar negara terutama tenusu, berikutkan bekalan susu domestik terhad, selain kekurangan kilang khusus mengeluarkan bahan be-

rasaskan serbuk bagi pemprosesannya yang secara langsung memberi kesan kepada harganya di pasaran.

"Industri harus digalakkan mewujudkan pusat inovasi dan kilang pengeluaran di sini (Malaysia). Pada masa sama, kerajaan harus mengenal pasti syarikat tempatan yang berkemampuan dan berminat terbabit dalam sektor itu.

"Seharusnya ada perancangan zapi termasuk insentif daripada kerajaan untuk memastikan pembabitan penggiat tempatan," kata MyCC.

Laporan itu antara lain turut menganjurkan semua sektor menjayakan Polisi Penyusuan Susu Ibu Kebangsaan yang diperkenalkan Kementerian Kesihatan, selain mendidik orang ramai bahawa susu rumusan bayi berjenama perdana yang harganya lebih murah juga mengandungi nutrisi diperlukan bayi seperti produk premium.

Selain itu, kerajaan juga harus memperkenalkan jenama dalaman untuk produk rumusan bayi berjenama premium dengan peruncit sedia ada untuk menambah pilihan kepada pengguna dan men-

INFO

1: RM2.2 billion - nilai jualan susu rumusan bayi di Malaysia pada 2018
» 58 peratus jenama premium
» 42 peratus jenama utama

2: 51 juta kilogram susu rumusan dijual di Malaysia sepanjang 2018
» 66 peratus jenama utama
» 34 peratus jenama premium

3: Halangan dalam amalan penyusuan ibu
» Tidak cukup susu - 59.0%
» Keterlambatan berkarya - 16.4%
» Bayi hadapi masalah menyusu - 8.6%
» Penyusuan bayi amat menyakitkan - 6.8%
» Ibu mengandung atau berhasrat mengandung - 5.9%
» Tidak berhasrat untuk menyusu bayi - 1.1%
» Bimbang perubahan bentuk payu dara kerana penyusuan - 0.5%

jadikan harga lebih kompetitif.

"Kerajaan juga dicadang memperkenalkan peraturan khas bagi memantau pemasaran susu rumusan bayi bagi mengelakkan keliruan daripada promosi susu rumusan peringkat tiga contoh-

nya pelabelan untuk produk itu harus berbeza dengan susu peringkat satu dalam aspek warna, reka bentuk, slogan dan simbol," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata

ikan, 'teksi' atau penghantar barang dan pemunggaran barang.

Peniaga tidak dibenarkan mendapatkan bekalan ais daripada pembekal luar dan ikan yang tidak habis dijual dilarang dijual atau dibawa keluar dari PBKL.

Iskandar berkata, PBKL sentiasa menjadi pusat rujukan harga di seluruh negara dan jika mereka menaikkan harga, seluruh pusat pemberong utama lain juga akan mengambil tindakan sama.

Sehubungan itu, katanya, MyCC mencadangkan supaya PBKL dinaik taraf menjadi pasar raya lebih moden, sistematik, bersih serta dilengkapi kemudahan keselamatan lebih baik.

Penambahanan perlu kerana pusat pengumpulan bekalan bahan mentah berusia hampir 50 tahun itu sudah tidak mampu memenuhi keperluan membelakangi keperluan, selain terdedah kepada sistem manipulasi dan monopoli.

"Jangan tutup PBKL, tetapi naik taraf. Memang ramai yang tidak akan bersatu tetapi kita mesti belajar bagaimana Hentian Bas Pudureja kini bertukar wajah menjadi Terminal Bersepadu Selatan (TBS).

"La jauh lebih moden, besar, keemasan dan sistem keselamatannya juga lebih baik," katanya.



Perbandingan harga susu

Negara	Harga susu 900 gram	Harga susu 900 gram
	jenama premium	jenama perdana (RM)
Australia	85.26	42.83
Indonesia	115.30	50.74
Filipina	96.80	45.99
Thailand	109.09	47.34
Malaysia	114.99	30.50

Malaysia perlu memulakan langkah sekarang untuk mengeluarkan susu rumusan bayi di negara ini, bagi mengurangkan harga produk itu dalam pasaran serta memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna.

Laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan MyCC

Kerajaan perlu tambah import daging

Penternak tak dapat tumpung permintaan punca harga meningkat

Oleh Mohd Azis Ngah dan Armin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketidakupayaan penternak tempatan memenuhi permintaan dan kebergantungan kepada negara sumber import yang terhad, dikenal pasti oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebagai punca harga daging dalam pasaran negara menjadi tidak menentu.

Justeru, kerajaan digesa lebih agresif mencari negara pengeksport daging, bagi memastikan keselamatan bekalan dan harga menerusi persaingan yang lebih bersaing dalam pasaran.

Kajian Pasaran Sektor Makanan yang dikendalikan oleh MyCC mendapati, kegagalan me-

nangkan keadaan itu boleh melatihkan negara dalam krisis bekalan daging, selalui gus menjasakan sistem keselamatan makanan.

Kerajaan juga digesa memfokuskan kepada usaha mengurangkan kos menjalankan perniagaan pasaran domestik dengan membangunkan dasar integrasi makanan haliani kebangsaan untuk mengurangkan kos memproses makannya.

Berdasarkan kejadian itu, MyCC mendapati, permintaan terhadap bekalan daging dalam kalangan rakyat negara ini semakin tinggi.

Ini berdasarkan peningkatan pemakanan daging lembu yang meningkat daripada 5.5 kilogram (kg) kepada 6.7/kg perkapita tahun lalu.

Bagaimanapun, nisbah ketahanan diri (SSR) bagi daging lembu menurun daripada 30 peratus pada 2010 kepada 22 peratus tahun lalu, begitu juga dengan pengeluarannya merosot daripada 51,227 tan pada 2012 kepada 46,333 tan pada 2017.

Jumlah import daging lembu pula meningkat daripada 129,776

Saiz pasaran lembu (2017)



tan pada 2010 kepada 167,439 tan yang menunjukkan kebergantungan negara kepada negara luar seperti India dan Australia.

Tahun lalu, Malaysia mengimport 216,604 tan daging lembu manakala pengeluaran pembekal domestik hanya 47,597 tan.

Kajian itu menyebut Malaysia mengimport lembu hidup daripada dua negara lalu Australia dengan 88 peratus dan Thailand (32 peratus), manakala daging segar daripada tiga sumber, iaitu Australia (92 peratus), New Zealand (tiga peratus) dan lain-lain negara, lima peratus.

Daging lembu sejak beku pula diimport dari India (78 peratus), Australia (12 peratus), New Zealand (tiga peratus) dan satu peratus dari Brazil.

"Kebergantungan kepada Australia dan India untuk bekalan kerbau dan lembu mendedahkan pasaran tempatan kepada permintaan pasaran dan ketidaktentuan harga di negara ini," kata MyCC

dalam segmen kajian bagi produk daging lembu terkandung dalam laporan kajian berkenaan.

Dari segi penetapan harga, laporan itu menjelaskan ia dipengaruhi dengan tukaran mata wang asing dan pada masa sama berlakunya kekurangan bekalan dari Thailand berikut permintaan dari negara lain.

"Ia menyebabkan Malaysia terus bergantung kepada pengimpor kerbau dari Australia yang menyebabkan harga meningkat berikutan harga komoditi di peringkat global dan penurunan matlamat wang tempatan.

"Kita membayar sekilogram kerbau Australia pada harga antara RM8 hingga RM9, selain kos logistik iaitu pengangkutan laut (RM1 hingga RM1.50 sekilogram) atau pengangkutan udara (RM7 hingga RM8 sekilogram)," katanya.

Kos lain juga perlu ditanggung di peringkat pemborong dan penarik, antaranya makanan hai-

wan, perubatan, buruh, penyelesihan, pengangluton, penyimpanan sejuk beku, sewa dan utiliti yang akhirnya akan diserap pengguna.

Sehubungan itu, laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan itu mendangkar supaya kerajaan menggunakan pendekatan lain untuk meningkatkan pengeluaran di peringkat domestik melalui kerjasama strategik pada antara sektor swasta dan syarikat sedia ada yang sudah berjaya dalam pertanian.

"Selain bergantung dengan dua negara (Australia dan India), kerajaan juga harus secara agresif mencari negara lain pengeksport lain bagi memastikan bekalan berkalauan dan peluang lebih banyak untuk memastikan lebih banyak persaingan di pasaran.

"Dasar ini bukan hanya terhad kepada sektor ruminan tetapi dikembangkan kepada sektor akuiti kultur untuk meningkatkan skala ekonomi negara," katanya.

Penderma Food Bank dilindungi undang-undang



Aka khas yang dibentang di Dewan Rakyat akhir tahun ini, akan melindungi penaja dan penderma Program Food Bank Malaysia.
(Foto Hiasan)

Kuala Lumpur: Penaja, penderma dan pihak berkaitan Program Food Bank Malaysia akan dilindungi dengan akta khas apabila rang undang-undang mengenainya dibentangkan di Dewan Rakyat, akhir tahun ini.

Cadangan mewujudkan undang-undang baharu itu memasuki fasa akhir untuk diteliti Pejabat Pegawai Negara, sebelum dibincangkan pada peringkat Cabinet.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata ada beberapa aspek perlu diperkemasukan sebelum perkara itu diumumkan.

"Ada beberapa (isu) yang hilang (tidak diberi perhatian), dalam aspek kawal sedia."

"Kita perlu kawal dan melindungi pihak yang ambil bahagian dalam program Food Bank. Jika ada kecacatan iaitu mungkin peneri-

ma mahu ambil tindakan undang-undang, kita sudah bersedia," katanya pada sidang media, semalam.

Pada Mac lalu, Kementerian Keuangan meluluskan dana RM3 juta kepada program Food Bank Malaysia untuk menyediakan 14 lor dilengkapi pendingin.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) diberi tanggungjawab mengedarkan makanan kepada golongan istirahah berpendapatan 40 peratus terendah (B40), termasuk pelajar universiti awam.

Sebelum itu, Saifuddin melancarkan laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan yang dijalankan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), di sini.

Laporan setebal 836 muka surat itu dijalankan MyCC selama sembilan bulan dengan fokus lima isu

kenaikan harga ikan kembung, daging, susu formula, sawi hijau dan kubis bulat.

Mengulas tindakan yang akan dilakukan berhubung laporan MyCC yang mendakwa wujud salah laku pemilik permit import (AP) sawu kubis bulat, serta cadangan menurunkan harga bekalan, Saifuddin menegaskan ia akan diberi perhatian segera.

"Bukan semua isu berada di bawah kepentingan saya. Jadi, ia perlu dirujuk kepada kementerian berkaitan dan saya harap ia akan diterima dengan penuh semangat untuk meningkatkan kebolehupayaan."

"Kita akan sebarkan semua maklumat ini (laporan) kepada semua agensi kerajaan dan pemain industri berkaitan."

"Perkara ini (kenaikan harga barang) berkait rapat dengan rakyat, jadi mestilah disegerakan," katanya.